



**PERTUBUHAN AKADEMI OPTOMETRI
MALAYSIA**

**BUKU PANDUAN
(*HAND BOOK*)**

**PENILAIAN KELAYAKAN PROFESSIONAL JURUOPTIK
(*PROFESSIONAL QUALIFYING ASSESSMENT FOR OPTICIANS*)**

1. PENGENALAN

Buku ini menyediakan panduan dan maklumat terkini kepada Juruoptik yang akan menjalani Penilaian Kelayakan Profesional (PQA) bagi membolehkan mereka didaftarkan dengan Majlis Optik Malaysia (MOC). Calon yang mempunyai kelayakan yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991 boleh memohon untuk menjalani PQA ini. Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia (PAOM) telah diberi mandat oleh MOC (rujuk minit mesyuarat MOC bil 1/2021) untuk mengendalikan PQA bagi Juruoptik.

2. PERMOHONAN

- Pemohon mestilah menghantar Borang 6 (Borang Permohonan Pendaftaran Juruoptik Di Bawah Seksyen 18(2) Akta Optik 1991) kepada pihak MOC untuk dinilai dalam mesyuarat Jawatankuasa Penilaian MOC bagi mengesahkan kelayakan untuk menduduki PQA Juruoptik.
- Calon yang layak akan dimaklumkan melalui emel dan surat oleh MOC berkenaan tarikh, tempat masa dan syarat PQA dalam tempoh sekurang-kurangnya LAPAN (8) MINGGU dari tarikh PQA
- Calon yang layak mesti mengisi borang permohonan menduduki penilaian PQA menggunakan BORANG PQA-PAOM boleh dimuat turun melalui pautan berikut <https://tinyurl.com/PQAOptician>
- Calon yang layak perlu membuat bayaran pendaftaran selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum PQA diadakan.

3. PEMBAYARAN YURAN

Yuran sebanyak RM3,500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Lima Ratus sahaja) dikenakan kepada setiap calon yang telah didapati layak oleh MOC untuk menduduki PQA. Pembayaran yuran boleh dilakukan seperti berikut:

1. Bayaran secara pindahan terus ke no. akaun **CIMB:8603273238** atas nama **Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia**
2. Pembayaran secara dalam talian (FPX) :
<https://toyypay.com/Yuran-PQA-Juruoptik>

Setelah bayaran dibuat, silamuat naik resit ke dalam pautan yang disediakan seperti berikut: <https://tinyurl.com/PQAOptician>

Emel pengesahan penerimaan akan dihantar setelah bayaran disahkan.

Sekiranya terdapat sebarang persoalan berkenaan bayaran pendaftaran sila hubungi Cik Norlaili Arif di 03-92897499 (Klinik Optometri, UKM)

4. PERATURAN AM

Peraturan berikut mesti dipatuhi oleh calon untuk menduduki PQA:

- a. Memakai pakaian yang sesuai dan sopan:
 - i. Bagi calon lelaki – memakai kemeja berkolar dan berseluar 'slack' panjang
 - ii. Bagi calon perempuan – memakai baju berlengan, berseluar panjang atau kain yang melebihi paras lutut
- b. Membawa dokumen berikut sebagai bukti kelayakan menduduki PQA:
 - i. Kad pengenalan
 - ii. Surat panggilan menduduki PQA
- c. Membawa peralatan asas berikut untuk pemeriksaan Optometri. Walaubagaimana pun peralatan tersebut turut disediakan oleh PAOM di bilik pemeriksaan untuk kemudahan calon:
 - i. Retinoskop
 - ii. Pembaris PD
 - iii. Lampu pen (*pen torch*)
 - iv. Set kanta cubaan (*trial lensset*)
 - v. Bingkai cubaan (*trial frame*)
 - vi. Carta dekat (*near chart*)
 - vii. Alat tulis dan kalkulator (kalkulator dalam telefon bimbit tidak dibenarkan)

- d. Tidak dibenarkan membawa masuk barang berikut ke tempat dimana PQA dijalankan:
 - i. Buku nota/kertas/gambar
 - ii. Kotak pensil (pencil case)
 - iii. Beg tangan/beg sandang/beg laptop
 - iv. Sebarang bentuk alat elektronik atau komunikasi seperti telefon bimbit/ipad/kamera dan sebagainya.
- e. Mematuhi SOP yang ditetapkan oleh PAOM sepanjang menduduki PQA. Sila rujuk Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 PQA Juruoptik di Lampiran A.
- f. Calon yang didapati menyalahi sebarang peraturan atau tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh MOC dan PAOM boleh dihalang dari menjalani PQA.
- g. Sekiranya calon GAGAL PQA kali ini, calon boleh memohon untuk menduduki semula PQA pada masa akan datang.
- h. Semua calon adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 PQA. Sila rujuk Lampiran A (Prosedur Operasi Standard (SOP) Covid-19 Penilaian Kelayakan Professional (PQA) Juruoptik Di Bawah Kendalian Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia (PAOM))

5. KOMPONEN PQA

Setiap calon akan diuji dengan ujian pemeriksaan refraksi merangkumi kemahiran:

- i. melakukan refraksi subjektif
- ii. melakukan ujian keseimbangan binokular (binocular balancing)
- iii. merekodkan hasil akhir refraksi dan nilai akuiti visual terbaik (Best Corrected Visual Acuity, BCVA).

6. MASA/TEMPOH PQA

Masa keseluruhan penilaian adalah EMPAT PULUH (40) MINIT sahaja.

- a) Masa tambahan sebanyak SEPULUH (10) MINIT diperuntukkan (jika perlu) untuk sesi soal jawab antara calon dan pemeriksa. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pemeriksa mendapatkan kepastian berkenaan prosedur yang dijalankan oleh calon.
- b) Setiap calon akan dibekalkan Panduan Penilaian PQA (Calon)(**Lampiran 2**).
- c) Calon perlu melengkapkan borang jawapan yang disediakan (**Lampiran 3**).

7) SKEMA PENILAIAN PQA

Calon perlu mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh MOC iaitu Guidelines for Subjective Refraction Test Scheme for Optician Registration Under Section 18(2) Optical Act 1991

8. KEPUTUSAN AKHIR

- a) Calon akan dinilai dari segi teknik refraksi dan ketepatan keputusan akhir.
- b) Markah LULUS adalah 65% keatas (atau sekurang-kurangnya mendapat markah 17/26)

Markah	Keputusan
17 ke atas	LULUS
16 ke bawah	GAGAL

- c) Julat ralat refraksi yang diterima berbanding dengan preskripsi sebenar adalah:

Ralat refraksi	Julat yang diterima
kuasa sfera	± 0.50 DS
kuasa silinder	± 0.50 DC
axis silinder	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ jika kuasa silinder ≤ 1.00DC ▪ jika kuasa silinder > 1.00DC 	toleransi 20° toleransi 5°

- d) Calon yang LULUS atau GAGAL akan dimaklumkan melalui surat dalam tempoh DUA (2) minggu hingga SATU (1) bulan selepas pengesahan Jawatankuasa Penilaian (JKP).
- e) Sekreteriat MOC akan menguruskan pendaftaran penuh bagi calon yang LULUS.

Lampiran 2

PANDUAN PENILAIAN KELAYAKAN PROFESIONAL (PQA)

**MAJLIS OPTIK MALAYSIA
GARIS PANDUAN SKEMA UJIAN REFRAKSI SUBJEKTIF
UNTUK PENDAFTARAN JURUOPTIK DIBAWAH SEKSYEN 18(2)(b) AKTA OPTIK
1991**

A) Arahan kepada calon

Anda perlu melakukan refraksi subjektif jarak jauh pada kedua-dua mata dan ujian keseimbangan binokular berdasarkan keputusan ujian retinoskopi statik atau keputusan ujian refraksi lain (kecuali autorefractometer) dan pengukuran PD.

B) Hasil/Kemahiran yang dijangkakan dari calon

Sepanjang prosedur, calon sepatutnya mampu:

1. Menerangkan tujuan pemeriksaan kepada pesakit
2. Menggunakan pencahayaan yang betul untuk pemeriksaan
3. Menilai akuiti visual (VA) dengan tepat

Semasa **REFRAKSI SUBJEKTIF** dijalankan, calon sepatutnya berkebolehan menjalankan yang berikut keatas kedua-dua mata menggunakan teknik yang betul:

1. Memberi arahan yang tepat kepada pesakit
2. Menentukan dengan tepat sfera penglihatan terbaik
3. Menentukan dengan tepat kuasa sfera
4. Menentukan dengan tepat kuasa silinder
5. Menentukan dengan tepat paksi silinder
6. Merekod keputusan refraksi dan akuiti visual terbaik dengan tepat

Semasa melakukan **prosedur KESEIMBANGAN BINOKULAR**, calon sepatutnya berkebolehan:

1. Memberi arahan yang betul kepada pesakit.
2. Melaksanakan prosedur keseimbangan binokular dengan tepat
3. Merekod preskripsi akhir dan VA dengan tepat

Secara keseluruhan, calon sepatutnya mampu melaksanakan semua prosedur diatas dengan licin dan cekap.

Lampiran 3

BORANG PENILAIAN CALON

**PENILAIAN KELAYAKAN PROFESIONAL (PQA)
PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK
DI BAWAH SEKSYEN 18(2)(b) AKTA OPTIK 1991**

Tempat : _____
Tarikh : _____
Masa : _____
NO. FAIL : _____

Maklumat Pesakit

Pemeriksaan yang dijalankan

Pemeriksaan yang dijalankan (sambungan)

Preskripsi akhir:

RE: _____ **VA** _____

LE: _____ **VA** _____

Lampiran 4

BORANG PENILAIAN PEMERIKSA (EVALUATION FORM FOR EXAMINER)

PEMERIKSA

FILE NO:

NAME OF CANDIDATE :

**MALAYSIAN OPTICAL COUNCIL
SUBJECTIVE REFRACTION TEST SCHEME
FOR OPTICIAN REGISTRATION UNDER SECTION 18(2)(b) OPTICAL ACT 1991**

A. Instruction to candidate

You are required to perform a distance subjective refraction on *both* eyes of the subject, including a binocular balance procedure.

B. Outcomes/Skills expected of the candidate

Throughout procedures, the candidate should be able to:

No.		Yes	No	Comment
1.	Explain the purpose of the examination to the patient			
2.	Use correct illumination and PD measurement for the examination			
3.	Conduct visual acuity (VA) assessment accurately			

IN PERFORMING A MONOCULAR SUBJECTIVE REFRACTION on each eye, the candidate should be able to:

No.		Yes	No	Comment
4.	Provide correct instructions to the patient			
5.	Use the correct technique to determine best vision sphere for the right eye			

6.	The best vision sphere for the right eye is accurate			
7.	Use the correct technique to determine the sphere power for the right eye			
8.	The sphere power for the right eye is accurate			
9.	Use the correct technique to determine the cylinder power for the right eye			
10.	The cylinder power for the right eye is accurate			
11.	Use the correct technique to determine the cylinder axis for the right eye			
12.	The cylinder axis for the right eye is accurate			
13.	The refraction end result and BCVA for the right eye is recorded accurately			
14.	Use the correct technique to determine the best vision sphere for the left eye			
15.	The best vision sphere for the left eye is accurate			
16.	Use the correct technique to determine sphere power for the left eye			
17.	The sphere power for the left eye is accurate			
18.	Use the correct technique to determine the cylinder power for the left eye			

19.	The cylinder power for the left eye is accurate			
20.	Use the correct technique to determine the cylinder axis for the left eye			
21.	The cylinder axis for the left eye is accurate			
22.	The refraction end result and BCVA for the left eye is recorded accurately			

IN PERFORMING BINOCULAR BALANCE, the candidate should be able to:

Bil.		Yes	No	Comment
23	Provide correct instructions to the patient			
24	Conduct binocular balancing procedure using correct technique			
25	The final prescription for both eyes is accurate			
26	The final prescription and VA is recorded accurately for both eyes			

OVERALL IMPRESSION TO THE EXAMINER

Did the candidate perform the whole examination smoothly and efficiently? Please provide your own comments about the candidate's performance.

**TOTAL
MARKS
(/26)**

EXAMINER'S SIGNATURE

NAME:
MOC NO.:

** Adapted and modified from the National Board of Examiners in Optometry, USA; Clinical skills examination, Station 3.

Lampiran A

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) COVID1-19 PENILAIAN KELAYAKAN PROFESSIONAL (PQA) JURUOPTIK DI BAWAH KENDALIAN PERTUBUHAN AKADEMI OPTOMETRI MALAYSIA (PAOM)

PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada calon-calon juruoptik yang akan menduduki Penilaian Kelayakan Professional (PQA). Garis panduan ini akan menerangkan secara lengkap mengenai tanggungjawab pengendali, pemeriksa, pemerhati dan calon semasa menduduki PQA ini secara bersemuka.

TANGGUNGJAWAB PENGENDALI (PAOM)

1) LOKASI PEPERIKSAAN

- a) Memastikan premis adalah bersih, selamat dan telah dinyah infeksi seperti yang telah digariskan oleh pihak KKM sebelum tarikh peperiksaan.
- b) Menyediakan alat saringan suhu badan di kaunter pendaftaran, pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) atau sinki dan sabun serta penutup mulut dan hidung (tambahan), untuk kegunaan calon, pemeriksa, pemerhati dan subjek.
- c) Memastikan premis mempunyai sistem pengudaraan yang baik.
- d) Menyediakan ruang menunggu yang cukup dan selamat serta mematuhi jarak sosial yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- e) Menyediakan tempat pembuangan sisa klinikal yang selamat.
- f) Menyediakan ruang dan peralatan yang bersesuaian dan dapat berfungsi dengan baik.

2) KAKITANGAN PENGENDALI

- a) Memastikan semua kakitangan pengendali adalah :
 - i. Telah lengkap 2 dos vaksinasi COVID-19 atau sekiranya tidak lengkap 2 dos / tidak divaksinasi mestilah mengemukakan keputusan ujian saringan COVID-19 RTK-AGN dalam tempoh tiga (3) hari sebelum PQA berlangsung.

- ii. Mengemaskini status kesihatan di aplikasi MySejahtera dan melakukan pemeriksaan status kesihatan semua calon dan pemeriksa sebelum penilaian boleh dimulakan.
- iii. Maklum mengenai langkah pencegahan: kebersihan diri, etika batuk dan bersin serta kebersihan tangan.
- iv. Memastikan kakitangan pengendali tidak berkumpul di satu-satu ruang secara beramai-ramai dan mengamalkan 3W iaitu “Wear” (memakai pelitup muka sepanjang masa), “Wash” (Membasuh atau mensanitasi tangan dengan kerap) dan “Warn” Sentiasa mematuhi SOP COVID-19 yang telah ditetapkan.

TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA DAN PEMERHATI

- a) Telah lengkap 2 dos vaksinasi atau sekiranya tidak lengkap 2 dos / tidak divaksinasi mestilah mengemukakan keputusan ujian saringan COVID-19 RTK-AGN dalam tempoh tiga (3) hari sebelum PQA berlangsung
- b) Mengemaskini status kesihatan di aplikasi MySejahtera dan tidak bergejala sebelum hadir ke lokasi penilaian.
- c) Hadir selewat-lewatnya 30 minit sebelum masa penilaian.
- d) Semua pemeriksa perlu memakai kelengkapan perlindungan diri seperti penutup mulut dan hidung, pelindung muka, sarung tangan serta apron plastik.
- e) Buang peralatan perlindungan diri dalam tong sampah bertutup (beg kuning biohazard) yang telah disediakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- f) Kerap membasuh tangan terutamanya sebelum dan selepas sesi peperiksaan.

TANGGUNGJAWAB CALON PQA

- a) Telah lengkap 2 dos vaksinasi atau sekiranya tidak lengkap 2 dos / tidak divaksinasi mestilah mengemukakan keputusan ujian saringan COVID-19 RTK-AGN dalam tempoh tiga (3) hari sebelum PQA berlangsung.
- b) Mengemaskini status kesihatan di aplikasi MySejahtera dan tidak bergejala sebelum hadir ke lokasi pemeriksaan.
- c) Hadir selewat-lewatnya 30 minit sebelum masa penilaian.
- d) Membawa semua keperluan pemeriksaan ke lokasi penilaian.
- e) Menyerahkan semua peralatan yang dilarang ke kubikel pemeriksaan kepada kakitangan pengendali untuk di simpan.
- f) Membuat pemeriksaan kelengkapan peralatan dan alat yang akan di gunakan semasa peperiksaan dapat berfungsi dengan baik. Sila rujuk kepada kakitangan

pengendali sekiranya memerlukan sebarang bantuan.

- g) Semua calon perlu memakai kelengkapan perlindungan diri seperti penutup mulut dan hidung, pelindung muka, sarung tangan serta apron plastik.
- h) Buang peralatan perlindungan diri dalam tong sampah bertutup (beg kuning biohazard) yang telah disediakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- i) Kerap membasuh tangan terutamanya sebelum dan selepas sesi peperiksaan.

KESIMPULAN

Setiap individu bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan dan keselamatan diri sendiri dan orang di sekeliling daripada dijangkiti oleh virus COVID-19. Oleh itu, adalah diharapkan agar semua individu dapat mematuhi garis panduan yang disediakan sehingga pandemik ini disahkan berakhir dan selamat.